

# 2,000 pesawah rugi padi rosak ditenggelami air masin

Oleh YATIMIN ABDULLAH  
berita@kosmo.com.my

**TUMPAT** – Lebih 2,000 penanam padi dari lima buah kampung dekat sini terpaksa berputih mata apabila tanaman mereka seluas 400 hektar ditenggelami air masin akibat daripada limpahan air banjir dari Sungai Golok sejak empat hari lalu.

Kejadian tersebut berpunca daripada kelemahan sistem pengairan tali air yang dibina terlalu rendah oleh pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) menyebabkan air masin mudah mengalir masuk ke sawah selain kedudukannya yang berhampiran muara sungai berkenaan.

Lima kampung terlibat adalah Kampung Bendang Pak Yong, Simpangan, Jejulok, Mentua dan Kubang Bemban.

Pengerusi Jawatankuasa Kema-

juan dan Keselamatan Kampung Persekutuan Jejulok, Ghazali Isa berkata, air masin yang memasuki sawah pada setiap kali musim banjir sukar untuk dialir keluar disebabkan laluan yang terlalu sempit dan memakan masa hampir dua minggu untuk kering.

Beliau berkata, JPS telah membina beberapa buah pintu air tetapi ia terlalu kecil dan tidak mampu mengeluarkan kesemua air masin di sawah.

“Setiap kali musim banjir, perkara ini berlaku dan yang terbaru di kawasan sawah seluas 200 hektar di Kubang Bemban di mana tali air baru yang memisahkan di antara jalan dan sungai terlalu rendah sehingga menyebabkan air masin dapat memasuki kawasan sawah.

“Air masin ini menyebabkan tanah rosak dan tanaman akan musnah, setiap kali musim banjir

memang air akan melimpah tetapi masalahnya, air ini tidak boleh keluar dengan cepat dan ia akan terus bertakung dalam sawah dan akan mengambil masa satu hingga dua minggu untuk kering sepenuhnya,” katanya ditemui di Kampung Kubang Bemban semalam.

Sementara itu, seorang pesawah, Elut Ehok, 55, mendakwa kerugian hampir RM10,000 apabila sawahnya seluas empat hektar musnah digenangi air masin.

Katanya, jumlah kerugian itu terlalu besar kerana dia bergantung sepenuhnya kepada hasil tanaman padi untuk menyara keluarga.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri Pengkalan Kubor, Datuk Noor Zahidi Omar berkata, beliau akan membawa masalah tersebut ke mesyuarat Majlis Tindakan Persekutuan untuk mencari jalan penyelesaian.



ELUT termenung melihat kawasan sawahnya ditenggelami air masin di Kampung Kubang Bemban, Tumpat semalam.